

Pendidikan pemacu paling kritikal mentransformasikan negara kepada berpendapatan tinggi

NST 28/09/2011 3

KOTA KINABALU: Bidang pendidikan pemacu yang paling kritikal untuk mentransformasikan negara daripada sebuah negara berpendapatan sederhana kepada berpendapatan tinggi kerana impaknya yang besar ke atas produktiviti dan pembangunan modal insan, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Beliau berkata, dalam Model Ekonomi Baru (MEB), kejayaan untuk melahirkan modal insan yang berkeupayaan untuk berinovasi dan meneroka bidang-bidang baharu bagi menjana kekayaan negara adalah merupakan faktor yang akan menentukan kemajuan dan kemakmuran masa depan negara.

“Sektor pendidikan Malaysia menyokong pengalaman pembelajaran sepanjang hayat bermula dari peringkat kanak-kanak iaitu melalui pendidikan awal hinggalah kepada pendidikan tertiar dan peringkat pendidikan pasca-siswazah.

“Bidang pendidikan juga dengan sendirinya mampu menjadi katalis pembangunan,” katanya.

Beliau berkata demikian

sempena Majlis Ikrar Pelajar Baru Pascasiswazah dan Amanat Naib Canselor Semester 1 Sesi 2011/2012 di Dewan Resital, UMS, di sini, kelmarin.

Katanya, menjelang tahun 2020, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menasarkan sekurang-kurangnya enam buah universiti mencapai prestasi untuk diklasifikasikan sebagai universiti penyelidikan dan mendapat tempat dalam senarai universiti terbaik dunia.

“Jika kita lihat kedudukan 20 universiti teratas di seluruh dunia, pendidikan bukanlah dimonopoli oleh pihak tertentu sahaja, malah sesiapa sahaja boleh cemerlang jika ada ke-sanggupan untuk bekerja keras untuk menuntut ilmu.

“Antara kriteria yang diambil oleh panel penilaian dalam meletakkan kedudukan universiti-universiti adalah penilaian rakan sejawat ataupun ‘peer review’, hasil penyelidikan yang dilaksanakan, prestasi universiti seperti kadar bilangan pelajar dengan kakitangan,” katanya.

Kamaruzaman berkata, bagi membantu mencapai sasaran itu, UMS selaku Universiti


Berinovatif yang sentiasa menuju ke arah kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu, beraspirasi untuk menjadi salah sebuah Universiti Penyelidikan menjelang tahun 2015.

“Jika dilihat pada era masa kini, Ekonomi negara kita sedang berubah ke arah ekonomi yang dipacu oleh sektor perkhidmatan.

“Justeru itu, saya menyeru kepada Pusat Pengajian Pascasiswazah supaya mempelbagaikan program, iaitu program yang sesuai dengan kehendak dan keperluan negara.

“Dalam masa sama, seluruh warga UMS perlu memiliki ciri-ciri yang berkualiti demi mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan serta khidmat masyarakat,” katanya.

Jumlah keseluruhan pelajar baru yang ditawarkan bagi emaskukan Semester 1 Sesi 2011/2012 adalah 712 calon pelajar dan 37 daripadanya adalah calon antarabangsa seperti dari Pakistan, China, Indonesia, India, dan Mexico. - **OLEH MIZRON MARALANG - mizron@newsabah-times.com.my**



IKRAR ... Pelajar Baru Pascasiswazah Semester 1 Sesi 2011/2012 melafazkan Ikrar di Dewan Resital, UMS, kelmarin.